

KEPENTINGAN PENDIDIKAN PATRIOTISME TERHADAP WARGANEGARA MALAYSIA

*(THE IMPORTANCE OF PATRIOTIC EDUCATION FOR
MALAYSIAN CITIZENS)*

Ku Hasnita Ku Samsu
Universiti Putra Malaysia, (hasnita@putra.upm.edu.my)

Mohd Haizam Mohd Nor
Universiti Kebangsaan Malaysia, (haizamasn@yahoo.com)

Abstract

A sense of 'patriotism' is not present by itself in human life, but this feeling has to be propagated, fertilized and nurtured to be , fresh and powerful in the soul of each and every citizen. Thus, the process is linked to continuous patriotic education within formal or informal contexts. Patriotic education, formally, involves planned and systematic learning activities, includes schools' syllabus, universities' compulsory courses, and the National Service Training Program (PLKN) . On the other hand, informal patriotic education which involves haphazardly unplanned activities could occur by chance throughout human life. This type of education may begin as early as infancy. Hence, patriotic education has a very broad scope across the life experience and, is significant over time. Accordingly, this paper will examine the importance of patriotic education upon the citizens of Malaysia in facing challenges that could erode their identity as Malaysian.

Keywords: patriotic education, political socialization

Pendahuluan

Saban hari masyarakat kita disajikan oleh media dengan pelbagai berita yang berunsur ancaman terhadap keharmonian negara dan keutuhan bangsa. Berita-berita tersebut kebanyakannya berhubung kait dengan kegiatan salah laku golongan muda, umpamanya pembuangan bayi, vandalisme, buli, ponteng sekolah, samseng jalanan, sumbang mahram, berzina, politik wang dan segala macam perlakuan lain yang merujuk kepada keruntuhan akhlak. Sekali imbas, senario-senario ini hanya berlegar dalam ruang lingkup permasalahan atau cabaran dunia golongan muda, namun jika diteluskan dengan lebih tuntas, situasi tersebut amatlah membimbangkan memandangkan golongan mudalah yang


sepatutnya menjadi tiang negara serta pewaris kepada kepimpinan negara yang seterusnya. Sepertimana ungkapan Prof. Dr. Yusof Al Qaradhawi, seorang sarjana dan pemikir Islam yang tersohor dan disegani dalam artikel Nor Hartini Saari (2008), "Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dari kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur, tetapi jika keadaan adalah sebaliknya maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku". Amat mudah untuk dijangkakan implikasi yang bakal berlaku apabila giliran generasi yang bermasalah mula mendominasi dan mengendalikan negara daripada peringkat bawahan hinggalah ke peringkat eksekutif. Apa yang pasti, kedaulatan dan keutuhan negara bukanlah menjadi prioriti dalam mencorakkan hala tuju negara melainkan mengikut justifikasi kepentingan peribadi pihak-pihak tertentu. Lantaran itu, akan menular dan berkembangnya elemen-elemen yang membawa ke arah kehancuran konsep negara bangsa seperti amalan rasuah, dan penyalahgunaan kuasa secara berleluasa sebagaimana yang berlaku di Vietnam Selatan sehingga mencetuskan Perang Vietnam dan Greece yang mengalami kelumpuhan ekonomi pada tahun ini. Dalam konteks ini, sesebuah negara memerlukan suatu mekanisme seperti sebuah perisai untuk melindungi dan memapankan rakyat daripada dipengaruhi gejala-gejala tersebut. Justeru itu, elemen pendidikan patriotisme merupakan antara perisai utama berdasarkan atas beberapa aspek yang bakal dibincangkan.

Pendidikan Patriotisme

Istilah 'pendidikan' menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) adalah merujuk kepada perihal mendidik, manakala istilah 'patriotisme' pula bermaksud perasaan bangga dan cinta kepada negara serta kesediaan untuk berkorban apa saja demi kepentingan negara (Berns, 1997). Oleh yang demikian, 'pendidikan patriotisme' adalah merujuk kepada pendidikan ke arah membangkitkan semangat patriotisme sama ada dijalankan secara formal mahupun tidak formal. Dalam konteks ini, Easton dan Hess (1962) melalui kajian mereka di Amerika Syarikat, mendapati individu berusia tiga tahun telah didedahkan dengan pendidikan patriotisme melalui subjek politik di sekolah dan pengetahuan mereka menjadi mantap apabila mencapai usia tujuh tahun. Tahap awal pembelajaran politik mencakupi hal ehwal persekitaran mereka seperti 'keterikatan pada sekolah' dan 'pengenalan bahawa mereka tinggal di bahagian tertentu dalam sesebuah negara'. Kemudian diikuti pula dengan pengenalan terhadap simbol-simbol yang dapat dilihat daripada autoriti-autoriti umum seperti polis, presiden dan bendera negara. Apabila usia kanak-kanak ini mencecah sembilan hingga sepuluh tahun, mereka telah didedahkan dengan konsep-konsep lain yang lebih abstrak dan kompleks seperti hak bersuara, sistem demokrasi, kebebasan sivil dan peranan warganegara dalam sistem politik. Pembelajaran politik peringkat awal ini akhirnya berupaya

melahirkan kesedaran patriotisme dalam kalangan kanak-kanak di Amerika Syarikat. Kajian tersebut menggambarkan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan seseorang itu, maka sikap mereka semakin prihatin untuk memikirkan hal ehwal negara.

Seterusnya, hasil kajian Azita (1995) mendapati bahawa hanya terdapat dua agen sosialisasi sahaja yang paling berpengaruh dalam menentukan kesedaran politik golongan mahasiswa iaitu orientasi kampus dan media massa. Kedua-dua agen sosialisasi ini adalah merujuk kepada aspek pendidikan iaitu formal dan tidak formal. Dalam hal ini juga, Messick (1970) mendapati bahawa pusat pengajian merupakan agen yang lebih berpengaruh dalam membekalkan pelbagai sumber maklumat tentang politik bagi para pelajarnya berbanding dengan agen-agen lain. Sementara itu, Berns (1997) menegaskan bahawa semangat patriotisme bukanlah wujud secara semula jadi dalam diri individu, tetapi semangat tersebut perlu disemai, dipupuk dan diajar. Justeru itu, pendidikan merupakan mekanisme yang efisien untuk mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat sesebuah negara. Dalam konteks perbincangan ini sepertimana dalam Carta 1, pendidikan patriotisme berpotensi untuk menghasilkan tiga elemen utama (*input*) yang membawa ke arah pengukuhan semangat patriotisme dalam kalangan warganegara (*output*). Carta ini memperlihatkan satu proses pengulangan dan saling bergantung (*interdependency*). Kualiti *output* yakni mengukuhkan semangat patriotisme amat bergantung kepada keberkesanan *input* setiap elemen yang disenaraikan di mana pendidikan merupakan mekanismenya. Lantaran itu, penilaian hasil *output* membantu penambahbaikan *input* daripada masa ke semasa serta menjadikan pendidikan sebagai mekanisme yang fleksibel dan mampu memberi respons terhadap keperluan serta kepentingan semasa negara.



Carta 1 : Kepentingan Patriotisme Kepada Warganegara

Dalam konteks ini, kewujudan tiga elemen sepertimana yang digariskan dalam Carta 1 menjelaskan kepentingan pendidikan sebagai mekanisme yang berkesan untuk menyemai dan seterusnya memperkukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat. Sistem pendidikan negara kita sememangnya

menyediakan satu platform yang kondusif untuk memperkukuhkan semangat patriotisme. Pendidikan bermula daripada peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah hinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi. Oleh itu, semangat patriotisme dapat dilaksanakan secara bertahap-tahap dalam tempoh jangka panjang, konsisten dan sistematik.

Penyemaian serta pengukuhan semangat patriotisme terkandung dalam sukatan pelajaran subjek-subjek tertentu malah merentasi kurikulum seperti subjek Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Kajian Tempatan, Sejarah, Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik, dan Pendidikan Seni Visual. Sesuai dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan generasi yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, dan intelektual; proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) terbahagi kepada kurikulum (akademik) dan kokurikulum. Kelebihan ini memudahkan semangat patriotisme diaplikasikan daripada aspek aktiviti berk komuniti dan sukan seperti pasukan Pengakap, Kadet Polis, Kadet Bomba, Palapes, dan pelbagai kelab-kelab sukan. Sebagai nilai tambah, pelbagai peringkat institusi pendidikan awam khasnya turut mempunyai program memperkasakan semangat patriotisme dalam kalangan warga pendidikan seperti Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Anti Dadah. Malah di institusi sekolah, lagu Negaraku, lagu sesebuah negeri, Rukun Negara akan dinyanyikan atau diikrarkan serta bendera akan dikibarkan setiap kali perhimpunan pada hari Isnin atau perhimpunan-perhimpunan rasmi. Sebilangan contoh yang telah dikemukakan menunjukkan mekanisme pendidikan berperanan sebagai ejen menanam serta mengembangkan doktrin patriotisme dalam kalangan warganegara negara kita.

Umum melihat pendidikan patriotisme diterajui oleh institusi-institusi pendidikan. Namun keterlibatan peranan pengamal media massa untuk mendidik warganegara tidak harus dikesampingkan malah harus digembleng secara bersepadu agar hasil impak atau *output* adalah lebih berkesan dan menyeluruh meliputi semua golongan. Kedua-dua belah pihak mempunyai pendekatan yang tersendiri tetapi berupaya berkongsi matlamat nasional yang sama iaitu mendidik warganegara agar berjaya patriotik yang ampuh.

Persefahaman dan Penyatuan

Pendidikan patriotisme di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang khusus diperkenalkan semata-mata untuk memperkukuhkan semangat patriotisme adalah seperti subjek Kenegaraan Malaysia¹ dan Hubungan Etnik². Dalam subjek-subjek tersebut, terdapat bab-bab tertentu yang mengkhususkan perbincangan tentang kepentingan perpaduan kaum dalam Negara, seperti dalam subjek Hubungan Etnik, bab yang menekankan elemen tersebut secara langsung adalah seperti Bab Satu: Hubungan Etnik di Malaysia secara Umum, Bab Dua: Konsep-konsep Asas Hubungan Etnik, Bab Tiga: Pluraliti dan Masyarakat Pluralistik di Malaysia, Bab Tujuh: Hubungan Etnik, Integrasi dan Menangani Cabaran serta Bab Lapan: Agama dan Hubungan Etnik. Manakala bagi subjek Kenegaraan Malaysia,

terdapat juga bab-bab tertentu yang menerangkan secara langsung dan tidak langsung kepentingan perpaduan seperti Bab Dua: Perjuangan Mencapai Kemerdekaan secara Perlembagaan, Bab Empat: Perlembagaan Malaysia dan Bab Empat belas: Masyarakat Majmuk, Perpaduan dan Integrasi.

Dalam konteks ini, sekiranya para pelajar belajar dengan penuh penghayatan dan minat terhadap subjek-subjek sebegini, sudah pasti mereka akan menyedari akan kepentingan konsep persefahaman dan penyatuan yang mesti ada dalam jiwa masyarakat Malaysia. Sementelah konsep ini bukanlah sesuatu perkara yang baharu, tetapi telah diperkatakan sejak zaman sebelum merdeka lagi. Umpamanya, sebelum Negara kita diberikan kemerdekaan oleh penjajah British, rakyat Tanah Melayu disyaratkan agar hidup bersatu-padu terlebih dahulu memandangkan penduduk Tanah Melayu terdiri daripada pelbagai kaum. Oleh hal yang sedemikian, maka wujudlah pelbagai usaha untuk menyatupadukan rakyat, seperti melalui gabungan parti politik Melayu (UMNO), Cina (MCA) dan India (MIC) bagi membentuk parti Perikatan menjelang pilihan raya umum pada tahun 1955. Gabungan tersebut, menurut Abd. Manaf (2009) dilihat sangat mantap apabila parti Perikatan memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi dalam pilihan raya tersebut. Hal ini bermakna, syarat penjajah British itu bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan. Apa yang penting rakyat memahami akan keperluan elemen perpaduan dalam membentuk sebuah negara merdeka. Sungguhpun syarat tersebut dilihat sebagai helah penjajah British untuk melambatkan proses kemerdekaan Tanah Melayu, namun kita perlu akur bahawa konsep perpaduan kaum amatlah signifikan bagi negara kita yang bercirikan masyarakat majmuk.

Pada peringkat awal kemerdekaan, pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk memantapkan lagi perpaduan rakyat, antara yang paling penting adalah melalui mekanisme pendidikan. Hal ini dapat ditelusuri melalui Penyata Razak, 1956:

“Tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan kanak-kanak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur” (Petikan daripada Penyata Razak, perenggan 12 dalam Shahril et al. 1998: 54).

“Satu daripada umbi kemahuan dasar pelajaran Persekutuan Tanah Melayu ini ialah mengubah corak semua sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah supaya bercorak Tanah Melayu.” (Petikan daripada Penyata Razak, perenggan 115 dalam Shahril et al. 1998: 54)

Hal ini jelas menunjukkan bahawa telah wujud usaha yang proaktif untuk menyatupadukan rakyat Tanah Melayu secara evolusi melalui sistem pendidikan

negara yang berpaksikan kepada pelaksanaan sekolah satu aliran iaitu penggunaan bahasa kebangsaan (Bahasa Melayu) sebagai bahasa pengantar di semua sekolah. Dalam erti kata lain, pendidikan diiktiraf oleh kerajaan bermula dari zaman pra kemerdekaan sebagai medium paling berkesan untuk mengubah persepsi masyarakat majmuk yang masih dipengaruhi dasar 'pecah dan perintah' oleh pasca penjajah British. Usaha ini diperkukuhkan lagi melalui Laporan Rahman Talib 1960. Kandungan laporan ini antara lain memantapkan lagi elemen perpaduan nasional yang sedia terkandung dalam Penyata Razak. Dalam konteks ini, bahasa kebangsaan diberikan ruang dan peranan yang penting dalam menyatupadukan rakyat berbilang bangsa selaras dengan Perkara 152, Perlembagaan Negara. Dalam erti kata lain, penyata ini turut memainkan peranan dalam menterjemahkan dan merealisasikan semangat Perlembagaan Negara. Begitu juga dengan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 dalam Shahril et al. (1998) antara lain untuk memastikan sistem pelajaran mampu memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin, dan terlatih. Usaha seterusnya untuk meneguhkan perpaduan kaum adalah melalui pelancaran prinsip Rukun Negara rentetan daripada cetusan rusuhan kaum 13 Mei 1969. Berikutnya, usaha-usaha pengukuhan kaum diteruskan melalui pendidikan-pendidikan formal di sekolah sama ada melalui kurikulum akademik mahupun aktiviti ko-kurikulum. Selain itu, kepentingan nilai perpaduan kaum juga turut diterapkan ke dalam tema Hari Kebangsaan yang bermula pada tahun 1970 (Ajit, 2008). Malah semenjak tahun 1970 hingga tahun 2009 istilah perpaduan dan istilah yang sinonim dengannya telah digunakan sebanyak 15 kali sebagai tema Hari Kebangsaan iaitu:

Tahun	Tema Hari Kebangsaan
1970	Muhibah dan Perpaduan
1973	Masyarakat Berkebudayaan Malaysia
1974	Sains dan Teknologi Alat Perpaduan
1977	Bersatu Maju
1978	Kebudayaan Sendi Perpaduan
1979	Bersatu Berdisiplin
1983	Bersama Ke arah Kemajuan
1985	Nasionalisme Teras Perpaduan
1987	Setia Bersatu Berusaha Maju
1988	Bersatu
1989	Bersatu
1993	Bersatu Menuju Wawasan
1999	Bersatu Ke Alaf Baru
2008	Perpaduan Teras Kejayaan
2009	1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan

Senario ini menggambarkan betapa pentingnya perpaduan sebagai pengikat di kalangan rakyat Malaysia yang bersifat majmuk ini. Tanpa perpaduan, masyarakat kita yang berbeza ras, latar budaya dan agama lebih mudah diadu domba atau diprovokasi oleh pihak yang berkepentingan sama ada di dalam

mahupun di luar negara. Selanjutnya, pelancaran gagasan 'Satu Malaysia' pada bulan Jun 2009 yang menekankan elemen perpaduan kaum bagi merealisasikan aspirasi negara untuk mencapai Wawasan 2020 juga mencerminkan kepentingan elemen perpaduan dalam memajukan negara. Oleh yang demikian, dengan kefahaman dan penghayatan yang tinggi setiap warganegara terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemerkasaan perpaduan antara kaum di Malaysia, maka peristiwa-peristiwa yang boleh menggugat keamanan negara dan bangsa seperti Tragedi 13 Mei 1969 dan Peristiwa Kampung Medan 4 Mac 2001 akan dapat dihindari. Sehubungan itu, suasana masyarakat yang harmoni dapat diwujudkan. Sekali gus, matlamat untuk membangunkan serta memajukan negara akan lebih berfokus dan lebih berjaya.

Pemacu Kemajuan Negara

Secara ideal, warganegara yang telah menjiwai nilai-nilai patriotisme serta mempraktikkannya akan dapat menyumbang untuk memacu kemajuan negara kerana mempunyai hala tuju yang jelas dan bersifat objektif. Justeru itu, mereka pasti lebih nekad dan bersemangat untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi dan pada masa yang sama berbakti kepada negara. Hasilnya, ekonomi dan produktiviti negara akan bertambah. Kejayaan ini turut bergantung bukan semata-mata kepada individu tetapi turut merangkumi idealisme dan ketelusan kepimpinan negara dan kakitangan awam dalam menjalankan peranan masing-masing. Dengan demikian, kebarangkalian dalam kalangan pemimpin dan kakitangan awam menyalahgunakan kuasa untuk mengayakan diri umpamanya adalah rendah. Implikasinya, pendapatan kerajaan dan rakyat umumnya akan meningkat. Manakala pertumbuhan sektor swasta akan berkembang pesat. Senario seperti ini membolehkan negara mempunyai daya saing yang tinggi di peringkat global dalam pelbagai bidang termasuklah dalam bidang perindustrian pertahanan sepertimana negara jiran kita, Singapura. Namun realitinya, terdapat cabaran dalam arah tuju mencapai matlamat yang murni ini. Sebagai contoh, wujud isu di mana dalam kalangan rakyat negara kita yang berjaya dalam kerjaya masing-masing telah berhijrah ke luar negara untuk memperoleh pendapatan yang lebih lumayan. Pada masa yang sama, profesion-profesien tertentu adalah kritikal di negara sendiri, contohnya para saintis dan doktor-doktor perubatan. Malah ada di antara golongan yang telah berjaya nekad menukar kerakyatan. Negara kita yang masih dalam proses ke arah menjayakan Wawasan 2020 sudah tentu kurang berdaya saing untuk memberikan tawaran atau insentif yang setara dengan negara pilihan golongan tersebut. Pada asasnya, isu seperti ini seolah-olah merupakan hak kebebasan dan peribadi seseorang. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama turut memberikan gambaran sejauh mana tahap toleransi timbal balik antara kepentingan individu dan materialistik dengan kepentingan nasional dapat diselaraskan? Kekurangan tenaga-tenaga pakar dalam bidang-bidang kritikal sudah semestinya akan menghambat kelancaran memenuhi aspirasi kemajuan

negara secara menyeluruh. Persoalan yang mudah, adakah kejayaan peribadi mudah dikecap jika negara kita masih dijajah atau bergolak sepertimana yang berlaku banyak negara di merata dunia? Umpamanya peperangan di Iraq dan Afghanistan. Penjajahan Israel di Palestin. Mexico dengan ancaman pengedaran-pengedaran dadah. Manakala Kerajaan Thailand menghadapi konflik berdarah dengan rakyat 'Kumpulan Baju Merah.' Hal ini membawa mesej yang jelas bahawa latar suasana sesebuah negara mewarnai dan membentuk acuan corak kehidupan rakyat sesebuah negara. Sehubungan itu, golongan seperti ini turut mencerminkan sejauh manakah tahap kecintaan mereka kepada tanah air sendiri. Tidakkah sukar untuk kita menilai mereka ini tergolong dalam kelompok *value-based patriotism* yakni kesetiaan dan kecintaan seseorang itu terhadap negaranya adalah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang boleh memberikan keuntungan, *egocentric patriotism* iaitu individu-individu yang akan melakukan apa sahaja untuk negaranya tanpa mengharap dan menagih sebarang ganjaran atau langsung tidak patriotik. Ironinya, golongan terbabit pernah setidak-tidaknya melalui salah satu daripada peringkat proses pendidikan patriotisme sebelum ini. Sehubungan itu, penghayatan nilai-nilai patriotisme oleh seseorang amat relevan untuk menyumbang ke arah kemajuan negara. Begitu juga dengan kejayaan dalam bidang-bidang lain seperti sukan dan sains teknologi yang boleh mengharumkan dan melonjakkan nama negara di mata dunia.

Malah, penghayatan yang tinggi terhadap pendidikan patriotisme juga dapat memajukan serta mempertingkatkan nilai moral rakyat. Oleh yang demikian, masalah-masalah sosial yang boleh menghancurkan negara seperti penagihan dan pengedaran dadah, vandalisme, samseng jalanan, rasuah dan sebagainya lagi dapat diminimumkan. Tanpa masalah-masalah sebegini, rakyat akan hidup aman dan tenteram, seterusnya dapat mengecap kemajuan dalam semua bidang sekali gus dapat memajukan negara

Pelaburan Strategik Keselamatan Negara

Tugas menjaga keselamatan negara bukanlah digalas oleh pihak tertentu sahaja seperti pihak polis dan tentera. Tidak dinafikan pihak-pihak yang berkenaan merupakan peneraju dan benteng utama Negara. Namun tanggungjawab ini turut menjadi kewajipan kepada setiap warganegara. Sehubungan itu, kesedaran tentang tanggungjawab ini dapat diperoleh melalui pendidikan patriotisme. Kukuhnya semangat patriotik di kalangan warganegara akan menghasilkan rakyat yang prihatin atau peka terhadap maruah dan kedaulatan negara. Rakyat dapat merasai negara ini adalah sebahagian daripada diri mereka. Dalam erti kata lain nilai patriotisme dapat diterjemahkan dalam kehidupan harian pelbagai lapisan rakyat dan mendorong rakyat untuk setia kepada negara. Dengan demikian, ancaman-ancaman terhadap keselamatan negara seperti isu-isu penyeludupan enjin-enjin jet pejuang F-5E TUDM ke luar negara, struktur-struktur binaan yang runtuh atau rosak, kegagalan kontraktor menyiapkan projek-projek

berkepentingan rakyat seperti makmal komputer sekolah dan hospital serta penghijrahan tenaga profesional ke luar negara dapat diminimumkan. Malah gerakan pihak subversif untuk menghasut rakyat atau menjejaskan kepentingan negara akan menghadapi kekangan atau kesukaran kerana setiap rakyat merasai mempunyai komitmen untuk menjalankan tanggungjawab dengan amanah demi negara. Secara idealistik, pendidikan patriotisme merupakan pelaburan strategik keselamatan negara kerana menyediakan rakyat dari pelbagai peringkat usia dan lapisan masyarakat agar berani dan bersedia mempertahankan negara mengikut bidang kepakaran masing-masing. Konsep 'cegaah rintang' terhadap sebarang elemen ancaman kedaulatan negara memudahkan kerajaan atau pihak berkuasa mendapatkan sokongan rakyat. Lantaran itu, negara sentiasa dapat memenuhi keperluan jumlah anggota dan kepakaran yang diperlukan dalam Rejimen Askar Wataniah (RAW) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) yang merupakan benteng kedua keselamatan negara. Sebagai contoh, kakitangan Tenaga Nasional yang menyertai RAW akan digerakkan untuk mempertahankan, mengawal selia dan memperbaiki hal-hal teknikal yang berkaitan dengan penjanaan elektrik semasa negara menghadapi darurat atau peperangan. Dengan demikian, tentera dapat ditumpukan ke medan perang dan pada masa yang sama, sumber logistik dan strategik negara dalam kawalan keselamatan. Manakala orang awam mampu menjadi informan kepada pihak keselamatan sama ada semasa negara dalam keadaan aman atau sebaliknya. Keberkesanan pelaburan ini hanya benar-benar teruji apabila negara berhadapan dengan ancaman fizikal seperti dalam bentuk serangan dan penjajahan. Kita boleh menyoroti semangat juang rakyat Lubnan yang diterajui Hizbollah mampu menangkis dan mengundurkan serangan ganas tentera Israel pada tahun 2006 yang dilihat mempunyai begitu banyak kelebihan serta di dokong oleh kuasa besar unipolar, Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, rakyat yang berjiwa patriotik dengan sendirinya terpenggil untuk berganding bahu bersama-sama dengan kerajaan menjaga dan mempertahankan kepentingan negara mengikut bidang masing-masing. Dalam erti kata lain, kita dapat menghindarkan senario rakyat yang diumpamakan 'habis madu, sepah dibuang' dan seperti 'kacang lupakan kulit' sepertimana pengajaran dalam sejarah pengkhianatan Pembesar Mendeliar dan Kitul pada era kejatuhan Empayar Melayu Melaka.

Kesimpulan

Walaupun pendidikan patriotisme dilihat sebagai agen sosialisasi yang berkesan dan mantap dalam memperkasakan semangat patriotisme rakyat, namun matlamat untuk mewujudkan rakyat yang patriotik sukar untuk dicapai sekiranya inti pati pendidikan tersebut kurang diberikan penghayatan yang maksimum. Hal ini membawa erti pendidikan merupakan platform yang paling sesuai kerana pendidikanlah menjadi platform kepada asas ketamadunan mana-mana bangsa di dunia sejak zaman-berzaman. Namun apa yang ingin ditekankan ialah pengisian

dan cara penyampaian serta penilaian keberkesanan pendidikan patriotisme. Kita perlu mempunyai instrumen semakan bertujuan untuk memastikan kaedah yang diguna pakai adalah sesuai dan tepat dengan aras kesediaan golongan sasaran mengikut keperluan semasa. Selain itu, golongan pendidik terlebih dahulu mestilah mempunyai minat, semangat, motivasi serta kreativiti yang tinggi bagi menarik minat pelajar untuk menjiwai subjek sebegini selain mempunyai silibus dan latihan terkini daripada masa ke semasa. Penyampaian pendidikan berunsur patriotisme yang statik atau kaku, sudah pasti akan mengundang rasa kebosanan dan mewujudkan situasi belajar berorientasikan peperiksaan di kalangan para pelajar.

Selanjutnya, kejayaan pendidikan patriotisme dalam melahirkan rakyat berjiwa patriotik memerlukan kolaborasi semua pihak seperti pada peringkat kanak-kanak dan remaja perlu melibatkan ibu bapa, keluarga dan persekolahan, manakala di peringkat dewasa melibatkan institusi pengajian tinggi dan seterusnya diperkukuhkan oleh pendidikan melalui saluran-saluran media massa. Dengan demikian, pendidikan patriotisme sememangnya merupakan proses sepanjang hayat sungguhpun seseorang itu telah tamat persekolahan kerana ancaman kedaulatan negara tidak statik dan hadir dalam pelbagai bentuk seperti ancaman ekonomi, budaya, dan militer. Oleh itu, semangat patriotisme perlu ditambah nilai daripada masa ke semasa secara konsisten agar semangat tersebut tidak mudah pudar dan terhakis dalam jiwa seseorang. Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) misalnya merupakan antara proses pendidikan berterusan oleh kerajaan agar generasi muda mempunyai jati diri yang ampuh sebagai rakyat Malaysia. Begitu juga dengan pelaksanaan kursus-kursus anjuran Biro Tata Negara yang dijalankan terhadap kakitangan awam merupakan satu keperluan berterusan untuk menyuburkan semangat patriotisme secara berterusan. Selain itu, kerajaan terus menerus mewar-warkan gagasan bernilai patriotisme kepada rakyat daripada masa ke semasa. Gagasan Satu Malaysia merupakan contoh terkini yang dilaksanakan oleh kerajaan secara berskala mega dan menyeluruh sehinggakan terdapat di kalangan pihak korporat menggunakan Satu Malaysia sebagai ikon mereka.

Umum melihat pendidikan patriotisme diterajui oleh institusi-institusi pendidikan. Namun dalam skop yang lebih luas, keterlibatan peranan pengamal media massa serta agensi-agensi kerajaan, dan sektor swasta untuk mendidik warganegara tidak harus dikesampingkan malah harus digembleng secara bersepadu agar hasil impak atau *output* adalah lebih berkesan dan menyeluruh meliputi semua peringkat masyarakat. Malah keterlibatan para pemimpin politik di peringkat negeri mahupun nasional dari pelbagai latar menyertai Rejimen Askar Wataniah merupakan salah satu medium pendidikan kepada rakyat untuk mencintai dan rasa bertanggungjawab terhadap negara. Respons daripada individu berprofil tinggi yang pernah memimpin negara seperti mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed turut membantu menyuburkan erti

patriotisme di kalangan rakyat. Beliau menyatakan harapan agar kerajaan meneruskan projek Jambatan Bengkok untuk menggantikan Tambak Johor kerana ia mencerminkan kedaulatan negara selain memacu ekonomi negara. Projek ini memperlihatkan kita mempunyai hak eksklusif di wilayah sendiri walaupun tidak mendapat kerjasama daripada negara lain (Mingguan Malaysia, 30 Mei 2010). Pelbagai pihak mempunyai pendekatan yang tersendiri tetapi berupaya berkongsi matlamat nasional yang sama iaitu mendidik warganegara agar mempunyai patriotisme yang kukuh. Sehubungan itu, peranan pihak institusi pendidikan dan pengamal media massa amat signifikan kerana kedua-dua pihak ini mempunyai keupayaan untuk mencerna minda dan mendorong jiwa rakyat agar cintakan negara ke tahap yang membanggakan.

Pada alaf ini, dunia lebih dikenali sebagai zaman tanpa sempadan ataupun era globalisasi. Gelaran yang sangat popular ini seolah-olah meragut konsep kewujudan negara bangsa yang sudah sekian lama diaplikasikan di seluruh dunia. Ironinya, melalui rentetan pelbagai senario antarabangsa yang berlaku memperlihatkan banyak negara termasuklah kuasa-kuasa besar kembali rancang memperkasakan semangat patriotik dalam kalangan rakyat bagi menghadapi pelbagai bentuk ancaman terutamanya selepas Tragedi 9/11. Negara kita sehingga kini masih selamat daripada menghadapi ancaman yang nyata dan serius. Namun, kita sebagai rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum dan berbeza agama tentunya tidak mampu menunggu sehingga saat kritikal, barulah kita menyedari pentingnya patriotisme dijiwai oleh kita semua sebagai rakyat Malaysia sepertimana perumpamaan 'Sudah terhantuk baru terngadah.'

Nota hujung

¹ Bagi sesetengah IPT seperti Universiti Putra Malaysia, subjek Kenegaraan Malaysia merupakan subjek wajib bagi semua mahasiswa untuk bergraduasi bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda.

² Merupakan subjek wajib bagi semua mahasiswa IPT di Malaysia di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

References

- Abd. Manaf Haji Ahmad. (2009). *Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

-
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan. (2008). *Kamus Peribahasa Kontemporari*. ed. Kedua. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Ajit. (2008). *Tema - tema Hari Kemerdekaan*. Dimuat turun pada 20/5/2010 daripada http://skatjb.com/index2.php?option=content&do_pdf=1&id=316
- Azita Aminudin. (1995). *Sosialisasi Politik: Nasionalisme-Patriotisme dan Kesedaran Politik di Kalangan Mahasiswa di Fakulti Sastera dan Sains Sosial*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.
- Berns, W. (1997). "On Patriotism." *Public Interest*, Spring, 1997, 19.
- Easton, D., Hess, R.D. (1962). The child's political world. *Midwest Journal of Political Science*, Vol. 11
- Ku Hasnita Ku Samsu. (2009). *Pengajaran Kenegaraan Malaysia*. Tidak diterbitkan.
- Messick, R. G. (1970). Political awareness among Mexican-American high school students. *High School Journal*. 54 (2), 108-118.
- Nor Hartini Saari. (2008). *Belia Hari Ini Cermin Masa Depan Negara*. Dimuat turun pada 19/2/2010 daripada http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?cmd=resetall&grp=2&key=1603&lg=1&opt=com_article&sec=
- Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing & Saedah Siraj. (1998). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ketua pytg.). (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti.
- Sheikh Othman Sheikh Salim (Ketua pytg.). (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akhbar

- (2010, 27 Mei). Hizbollah ancam serang semua kapal ke Israel. *Sinar Harian*.
- (2010, 30 Mei). Jambatan Bangkok kedaulatan Negara – Dr. Mahathir. *Mingguan Malaysia*.